

## TERMA DAN SYARAT YANG MENGAWAL AKAUN PELABURAN EMAS

Yang berikut adalah Terma dan Syarat Am yang mengawal pembukaan dan pengendalian Akaun Pelaburan Emas (GIA) dengan Bank.

### Terma dan Syarat Am

#### 1. **Pembukaan Akaun**

- 1.1 Saya/Kami/Organisasi dibenarkan untuk membuka GIA dan dengan ini memberi butir-butir yang diperlukan untuk membuka akaun tersebut dan mengaku bahawa semua maklumat adalah betul. Saya/Kami/Organisasi mengaku janji untuk memaklumkan kepada pihak Bank mengenai apa-apa perubahan pada rekod-rekod berkenaan yang disimpan dengan Bank seperti pertukaran penandatanganan dibenarkan, pertukaran rakan kongsi (bagi akaun perkongsian), perubahan alamat dsbnya.
- 1.2 Saya/Kami/Organisasi dikehendaki mengekalkan Akaun Simpanan/Semasa (mana yang berkenaan) (Akaun yang Ditetapkan) dengan Bank pada setiap masa ketika GIA dibuka. Saya/Kami/Organisasi akan memastikan bahawa Akaun yang Ditetapkan itu disenggara pada setiap masa untuk memudahkan pendebitan fi perkhidmatan dan semua fi atau caj, kos atau perbelanjaan lain yang ditanggung, sekiranya ada.
- 1.3 Tertakluk pada budi bicara Bank, hanya satu GIA sahaja boleh dibuka atas nama individu dan bukan individu.

#### 2. **Pembelian dan Penjualan**

- 2.1 Saya/Kami/Organisasi perlu membeli jumlah minimum emas sebanyak lima (5) gram untuk membuka GIA. Baki minimum tidak kurang daripada dua (2) gram emas mesti disimpan di dalam GIA. Bank berhak mengubah dari semasa ke semasa jumlah minimum emas yang diperlukan untuk membuka dan/atau untuk disimpan di dalam GIA.  
  
Baki di dalam GIA merupakan emas yang tidak teruntuk dalam gram yang mempunyai minimum 999.9 bahagian daripada emas tulen bagi setiap 1000 bahagian.
- 2.2 Jualan emas dalam GIA boleh dibuat oleh saya/kami sendiri atau oleh 'Wakil Yang Diberi Kuasa Sewajarnya' dengan menunjukkan Buku Simpanan GIA (Buku Simpanan)/Surat Kebenaran yang ditandatangani menurut mandat akaun GIA/Akaun yang Ditetapkan (mana yang berkenaan), yang tidak boleh dipindah milik atau diserahkan hak, berserta borang yang telah diisi dengan sewajarnya seperti mana yang ditetapkan oleh Bank.  
  
Seorang 'Wakil Yang Diberi Kuasa Sewajarnya' mesti memiliki Surat Kuasa Wakil yang didaftarkan dengan Bank. Surat tidak boleh dianggap sebagai kebenaran yang sepadan dengan Surat Kuasa Wakil.
- 2.3 Apa-apa jualan emas di dalam GIA dan pembayaran untuknya yang dibuat oleh Bank apabila Buku Simpanan/Surat Kebenaran (mana yang berkenaan) dikemukakan, adalah sama sebagaimana dibuat kepada saya/kami sendiri. Dengan syarat Bank telah membuat bayaran sedemikian apabila Buku Simpanan/Surat Kebenaran (mana yang berkenaan) dikemukakan, ia tidak akan menanggung rugi dan Bank tidak bertanggungjawab atas apa-apa kerugian yang ditanggung oleh saya/kami atau mana-mana pihak lain.
- 2.4 Saya/Kami/Organisasi boleh menjual emas daripada GIA sehingga had yang Bank akan umumkan atau semak dari semasa ke semasa, di cawangan-cawangan Bank yang ditetapkan, dengan syarat GIA tersebut mempunyai jumlah emas yang mencukupi dan dengan menunjukkan Buku Simpanan/Surat Kebenaran (mana yang berkenaan) dan apabila pengenalan diri yang boleh diterima oleh Bank dikemukakan.

#### 3. **Rekod Urus niaga**

- 3.1 Saya/Kami/Organisasi mengakui bahawa urus niaga tersebut akan direkodkan dalam Buku Simpanan atau Penyata Elektronik Bulanan GIA (e-Penyata) yang boleh didapati melalui PBe ([www.pbebank.com](http://www.pbebank.com)) seperti yang berikut:-

<b>Pelanggan Individu</b>	<b>Organisasi (Pelanggan Bukan Individu)</b>
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Urus niaga akan direkodkan dalam Buku Simpanan</li> <li>• e-Penyata (opsyenal) selain Buku Simpanan</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Urus niaga akan direkodkan dalam e-Penyata</li> <li>• Buku Simpanan tidak diperlukan</li> </ul>

#### 3.2 **Buku Simpanan (Diterima Pakai bagi Pelanggan Individu Sahaja)**

- 3.2.1 Saya/Kami akan diberi Buku Simpanan oleh Bank yang didalamnya tertera jumlah emas yang dibeli atau dijual oleh saya/kami. Saya/Kami dinasihatkan agar memeriksa Buku Simpanan tersebut sebelum meninggalkan premis Bank bagi memastikan catatan entri yang betul dibuat.
- 3.2.2 Saya/Kami akan menyimpan Buku Simpanan di tempat yang selamat. Sekiranya Buku Simpanan itu hilang, saya/kami hendaklah memberitahu pihak Bank dengan serta-merta secara bertulis atau datang sendiri ke Bank. Apabila Bank menerima pemberitahuan secara bertulis, Bank akan membekukan akaun berkenaan. Saya/Kami akan bertanggungjawab atau dipertanggungjawabkan bagi apa-apa kerugian yang dialami sekiranya berlaku apa-apa pengeluaran yang tidak sah atau tanpa izin daripada akaun sebelum Bank menerima pengesahan secara bertulis atau pemberitahuan daripada saya/kami sendiri mengenai kehilangan Buku Simpanan tersebut, sama ada ia disebabkan oleh kecuaiannya saya/kami atau sebaliknya. Bank akan mengenakan caj bagi setiap pengeluaran Buku Simpanan gantian dengan syarat saya/kami menandatangani Borang Tanggung Rugi Bank yang biasa.

### 3.3 e-Penyata

- 3.3.1 Satu e-Penyata melalui PBe disediakan setiap bulan atau pada kekerapan yang akan ditentukan oleh Bank. Saya/Kami/Organisasi mestilah menjadi pengguna Perkhidmatan PBe yang berdaftar dan telah mendaftar bagi Perkhidmatan e-Penyata yang mana saya/kami/Organisasi boleh memuat turun penyata akaun dalam bentuk elektronik melalui laman web tersebut.
- 3.3.2 Saya/Kami/Organisasi bersetuju dan mengaku janji untuk memeriksa dengan teliti semua entri dalam e-Penyata dengan segera dan melaporkan dengan serta-merta kepada Bank mengenai apa-apa kesilapan atau percanggahan yang terdapat di dalamnya. Sekiranya Bank tidak menerima apa-apa pemberitahuan secara bertulis dalam tempoh dua puluh satu (21) hari kalendar dari tarikh e-Penyata itu mengenai apa-apa kesilapan atau percanggahan berkaitan dengan entri debit atau kredit dalam e-Penyata tersebut, saya/kami/Organisasi dianggap telah menerima entri tersebut yang dibuat sehingga tarikh entri terakhir dalam e-Penyata sebagai betul, mengikat, muktamad dan konklusif dan dengan itu mengakui semua pengeluaran atau debit lain ke dalam GIA tersebut sebagai betul.
- 3.3.3 Saya/Kami/Organisasi tidak akan, selepas tamatnya tempoh dua puluh satu (21) hari kalendar itu, mempertikaikan apa-apa butiran dalam e-Penyata tertakluk sentiasa bahawa Bank mempunyai hak mutlak untuk membalikkan apa-apa butiran yang dikreditkan secara silap ke dalam akaun saya/kami. Seterusnya, saya/kami/Organisasi mengaku janji untuk membayar balik segala catatan yang tersilap dikreditkan ke dalam akaun saya/kami dan menanggung rugi Bank terhadap apa-apa kerugian yang Bank mungkin tanggung disebabkan oleh catatan kredit yang dikreditkan secara silap itu.
- 3.3.4 Rentetan daripada permintaan yang dijangka daripada perniagaan perbankan, saya/kami/Organisasi dengan ini bersetuju untuk dikecualikan daripada menunjukkan kepada Bank tandatangan, kebenaran atau perubahan wang yang tidak dibenarkan, sekiranya ada, yang tidak dimaklumkan secara bertulis kepada Bank dalam tempoh dua puluh satu (21) hari kalendar selepas penghantaran e-Penyata berkenaan.

### 4. Fi Perkhidmatan

- 4.1 Bank berhak untuk mengenakan fi perkhidmatan ke atas amaun seperti yang ditentukan oleh Bank dari semasa ke semasa atas GIA sekiranya kuantiti emas adalah di bawah kuantiti minimum emas yang perlu dikekalkan dalam GIA yang Bank akan tetapkan dari semasa ke semasa. Fi perkhidmatan tersebut dan semua fi atau caj, kos dan perbelanjaan lain yang ditanggung akan ditolak daripada Akaun yang Ditetapkan yang saya/kami/Organisasi perlu pastikan mempunyai dana yang mencukupi pada setiap masa.

### 5. Hak Untuk Menolak Selesai

- 5.1 Saya/Kami/Organisasi bersetuju bahawa selain apa-apa lien am atau hak serupa lain yang Bank sebagai jurubank mungkin berhak dari segi undang-undang, Bank boleh pada bila-bila masa, dengan notis awal selama tujuh (7) hari kalendar, menggabungkan atau menyatukan semua atau mana-mana akaun perbankan dengan Bank dan liabiliti kepada Bank di mana juga ia berada dan menolak selesai atau memindahkan apa-apa jumlah baki kredit yang terdapat dalam GIA ini untuk membayar apa-apa liabiliti kami kepada Bank sama ada liabiliti kepada Bank itu adalah pada masa ini, pada masa hadapan, sebenar, luar jangka, utama atau cagaran atau berasingan atau bersesama.
- 5.2 Sekiranya penggabungan, tolak selesai atau pindahan sedemikian memerlukan penukaran emas kepada Ringgit Malaysia, penukaran sedemikian hendaklah dikira pada kadar pertukaran semerta semasa Bank (seperti yang ditentukan secara muktamad oleh Bank) untuk pembelian mata wang yang saya/kami/Organisasi dipertanggungjawabkan dengan mata wang sedia ada yang telah ditukarkan. Bank tidak akan dipertanggungjawabkan atau bertanggungjawab bagi apa-apa kerugian berikutan pelaksanaan haknya di dalam ini.

### 6. Faedah dan Cukai

- 6.1 Tiada faedah yang perlu dibayar oleh Bank berkenaan dengan GIA.
- 6.2 Bank berhak untuk mengenakan dan menolak daripada Akaun yang Ditetapkan apa juga cukai, levi atau caj yang dikenakan di bawah undang-undang atau yang perlu dicaj oleh mana-mana badan pengawalseliaan ke atas GIA pada masa ini atau dari semasa ke semasa.

### 7. Penutupan GIA

- 7.1 GIA akan dianggap sebagai telah ditutup apabila keseluruhan baki yang terdapat di dalam GIA dikeluarkan atau berikutan penguatkuasaan undang-undang.
- 7.2 Bank berhak atas budi bicara mutlak pada bila-bila masa untuk menutup GIA atas apa juga sebab, tanpa obligasi untuk memberikan apa-apa sebab untuknya, dengan memberi notis empat belas (14) hari kepada saya/kami. Sekiranya terdapat emas di dalam GIA, Bank akan menjual emas tersebut dengan cara dan atas terma dan syarat sebagaimana yang Bank anggap sesuai. Hasil bersih daripada jualan tersebut akan dikreditkan ke dalam Akaun yang Ditetapkan. Bank tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, sekiranya ada, semasa jualan emas tersebut atau bagi kehilangan atau penyusutan nilai emas akibat daripada atau atas apa juga sebab. Pertimbangan dan budi bicara Bank berhubung dengan masa, harga dan syarat-syarat jualan emas tersebut adalah muktamad, mengikat dan konklusif dan tidak akan dipertikaikan oleh saya/kami/Organisasi bagi apa juga sebab.

### 8. Penggantungan Akaun

- 8.1 Hubungan kontraktual antara saya/kami dengan Bank akan ditamatkan dan pengendalian GIA saya/kami akan ditamatkan dalam keadaan yang berikut:-
- 8.1.1 Kematian, hilang akal atau kebangkrapan; dan/atau
- 8.1.2 Bagi syarikat berhad, pemfailan petisyen penggugungan terhadap saya/kami; dan/atau
- 8.1.3 Pelaksanaan apa-apa proses guaman atau perintah daripada mahkamah ke atas Bank terhadap GIA saya/kami.

9. **Akaun Orang Di bawah Umur (Diterima pakai bagi Pelanggan Individu Sahaja)**

- 9.1 Dengan ini, saya/kami mengesahkan dan bersetuju bahawa akaun ini bukan akaun amanah ataupun akaun bersama dengan orang di bawah umur. Saya/Kami ialah penjaga/ibu bapa kepada pemegang akaun orang di bawah umur dan bersetuju dan mengesahkan bahawa saya/kami adalah pendeposit Bank.
- 9.2 Saya/Kami bersetuju bahawa apabila orang di bawah umur itu mencapai umur lapan belas (18) tahun, saya/kami bersama-sama dengan orang di bawah umur itu akan bersama-sama memberi arahan baharu dan memberi mandat bagi pengendalian GIA berkenaan. Sehingga mandat baharu diterima oleh pihak Bank, mandat sedia ada akan terus berkuat kuasa.
- 9.3 Sekiranya saya/kami meninggal dunia sebelum orang di bawah umur tersebut mencapai umur lapan belas (18) tahun, GIA tersebut akan dibekukan dan perkara-perkara yang berkaitan dengan GIA tersebut hendaklah dirujuk kepada Wasi/Pentadbir Harta Pusaka saya/kami. Pihak Bank berhak untuk bertindak atas nasihat penasihat undang-undangnya. Kos dan perbelanjaan yang dialami akan didebitkan daripada GIA tersebut.
- 9.4 Sekiranya saya/kami atau orang di bawah umur beragama Islam, GIA tersebut tertakluk pada Syariah.

10. **Akaun Bersama (Diterima pakai bagi Pelanggan Individu Sahaja)**

- 10.1 Kami, pemegang-pemegang akaun bersetuju bahawa sekiranya salah seorang pemegang akaun meninggal dunia, pihak Bank dibenarkan untuk membayar baki yang ada dalam kredit GIA ini kepada mereka yang masih hidup dan pembayaran tersebut hendaklah merupakan bayaran yang sah oleh Bank akan jumlah yang perlu dibayar daripada GIA.
- 10.2 Kami, pemegang-pemegang akaun tersebut, bersetuju dengan cara GIA dikendalikan seperti yang ditetapkan di dalam borang untuk membuka akaun yang ditetapkan oleh Bank yang ditandatangani oleh kami. Kami juga bersetuju dan mengakui bahawa mandat yang diberi bagi pengendalian GIA ini boleh ditamatkan oleh salah seorang daripada kami dan Bank berhak untuk mengambil tindakan yang sama. Dalam keadaan seperti ini, Bank boleh mengikut budi bicaranya untuk tidak membenarkan apa-apa pengeluaran dibuat daripada GIA itu sehingga mandat baharu diterima daripada kami.
- 10.3 Kami, pemegang-pemegang akaun tersebut bersetuju dan membenarkan Bank untuk menerima notis bertulis, dalam bentuk yang diterima oleh Bank, ditandatangani dan dikemukakan dengan sewajarnya oleh semua pemegang akaun mengenai hasrat kami untuk menutup Akaun Bersama itu. Sekiranya kesemua pemegang Akaun Bersama tidak hadir di Bank, kami bersetuju bahawa Bank akan menutup Akaun Bersama itu selepas menerima notis bertulis yang diserahkan sendiri oleh salah seorang daripada kami kepada Bank. Seterusnya, kami bersetuju dan mengakui bahawa apa-apa arahan daripada kami kepada Bank untuk menutup Akaun Bersama tersebut, yang dinyatakan secara lisan atau menerusi telefon, faksimile atau e-mel internet, adalah tidak diterima oleh Bank.
- 10.4 Dengan ini, kami secara bersesama dan berasingan mengaku janji untuk tidak memudaratkan Bank dan terus menanggung rugi Bank bagi semua kerugian, tuntutan, permintaan, prosiding, tindakan, saman, ganti rugi, kos, caj, perbelanjaan dan liabiliti lain walau apa juga pun dan pada bila-bila masa yang ditanggung atau berikutan daripada kebenaran di atas, tertakluk pada hak Bank untuk menolak pada bila-bila masa dan mengikut budi bicara Bank atas apa juga sebab apa-apa tunai, pindahan dana elektronik, cek atau instrumen boleh niaga lain yang diterima, atau disebabkan oleh keengganan Bank untuk mengambil tindakan atau bertindak atas arahan kami untuk menutup Akaun Bersama dan membayar baki dalam Akaun Bersama tersebut sebagaimana yang diarahkan oleh kami.
- 10.5 Sekiranya salah seorang daripada kami beragama Islam, akaun tersebut adalah tertakluk pada Syariah.

11. **Akaun Bukan Individu**

- 11.1 Sekiranya Organisasi adalah badan yang diperbadankan, apa-apa perubahan dalam perlembagaannya berikutan penggabungan, penyatuan atau seumpamanya tidak akan menjejaskan atau menentukan liabilitinya di dalam ini.
- 11.2 Sekiranya Organisasi adalah sebuah perkongsian, semua peruntukan yang terkandung di dalam ini hendaklah mengikat semua rakan kongsi secara bersesama dan berasingan walau apapun perubahan pada perlembagaan atau nama firma atau kemasukan mana-mana rakan kongsi baharu atau perubahan atau penamatan apa-apa kuasa mana-mana rakan kongsi.

12. **Akaun Luar**

- 12.1 Suatu akaun luar boleh dibuka oleh bukan pemastautin (iaitu seseorang, firma, institusi atau syarikat yang bukan pemastautin).
- 12.2 Seorang bukan pemastautin tidak dibenarkan untuk membuka akaun pemastautin.
- 12.3 Sumber dan penggunaan dana dalam Akaun Luar adalah tertakluk pada peraturan yang dikuatkuasakan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan Peraturan Pentadbiran Pertukaran Asing.

13. **Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM)**

- 13.1 Deposit yang dikekalkan oleh saya/kami/Organisasi dalam GIA ini tidak layak untuk mendapat perlindungan daripada Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM).

14. **Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 (APK) dan Garis Panduan Bank Negara Malaysia (BNM) Mengenai Ketelusan dan Pendedahan Produk**
- 14.1 Saya/Kami/Organisasi memahami dan mengesahkan bahawa menurut Seksyen 134 Akta Perkhidmatan Kewangan ("APK") 2013, Bank dibenarkan dari segi undang-undang untuk mendedahkan maklumat mengenai urusan saya/kami, akaun perbankan atau penyenggaraannya (termasuk kedudukan kredit saya/kami) kepada pihak ketiga seperti yang diluluskan oleh BNM bagi memudahkan dan/atau membenarkan Bank dan/atau syarikat-syarikat yang berkaitan dan bersekutu dalam Kumpulan PBB untuk melaksanakan fungsi-fungsinya dan/atau fungsi-fungsi mereka dan dengan ini saya/kami memberi kebenaran tidak boleh ubah kepada Bank dan membenarkan Bank untuk memberikan maklumat berkaitan kepada mana-mana penjamin/penjamin-penjamin/pihak sekuriti, peguam Bank, ejen pemungut hutang, pihak ketiga dan/atau syarikat-syarikat berkaitan dan bersekutu dalam Kumpulan PBB pada bila-bila masa dan tanpa notis atau liabiliti yang Bank mengikut budi bicara mutlaknyanya anggap perlu atau wajar bagi membolehkan Bank dan/atau syarikat-syarikat berkaitan dan bersekutu dalam Kumpulan PBB untuk melaksanakan fungsi-fungsinya dan/atau fungsi-fungsi mereka. Dengan berbuat demikian, saya/kami/Organisasi bersetuju bahawa Bank hendaklah dibebaskan daripada apa-apa juga tanggungjawab atau liabiliti.
15. **Notis Perlindungan Data dan Keizinan**
- 15.1 Saya/Kami/Organisasi maklum bahawa Notis Privasi Bank mengenai pengumpulan, penggunaan, penyimpanan dan perkongsian maklumat peribadi saya/kami dan perkara-perkara yang berkaitan dengannya boleh didapati melalui laman web Bank. Notis Privasi Bank juga boleh diperolehi daripada mana-mana cawangan Bank.
- 15.2 Saya/Kami/Organisasi juga makluman mengenai tujuan Bank untuk memaklumkan kepada saya/kami mengenai maklumat, pengumuman dan berita penting mengenai produk dan perkhidmatan termasuk tawaran promosi dan bahan pemasaran Bank dan Syarikat-syarikat Gabungannya. Senarai Syarikat Gabungan Bank boleh didapati dalam Notis Privasi Bank.
- 15.3 Saya/Kami/Organisasi memahami bahawa saya/kami/Organisasi berhak untuk mendapat akses kepada dan memohon agar pembetulan dibuat pada maklumat peribadi saya/kami/Organisasi yang ada pada Bank dan bahawa saya/kami/Organisasi boleh memaklumkan kepada Bank untuk tidak lagi menggunakan maklumat peribadi saya/kami/Organisasi bagi tujuan yang dinyatakan dalam perkara 15.2 di atas dan bahawa permintaan ini boleh dibuat secara bertulis kepada Bank di cawangan pemegang akaun saya/kami atau dengan menghantarnya ke Jabatan Perkhidmatan Pelanggan, Tingkat 13, Menara Public Bank, 146 Jalan Ampang, 50450 Kuala Lumpur.
16. **Akta Pematuhan Cukai Akaun Asing (FATCA)**
- 16.1 Public Bank Berhad dan subsidiari-subsidiarinya di Malaysia, termasuk Public Islamic Bank Berhad, dan cawangan-cawangan yang berkenaan ("Kumpulan PBB") adalah institusi-institusi kewangan asing yang mematuhi FATCA Amerika Syarikat ("A.S."). FATCA memerlukan prosedur usaha wajar yang dipertingkatkan ke atas pelanggan/pemegang akaun dalam Kumpulan PBB bagi membolehkan pengenalpastian dan pelaporan mengenai Orang A.S. dan Pemegang saham substansial entiti asing A.S. kepada Pihak Berkuasa Kompeten di Malaysia\*\* dan pada akhirnya, kepada Perkhidmatan Hasil Dalam Negeri A.S. (IRS). Menurut Perjanjian Antara Kerajaan ("IGA") di antara Malaysia dan A.S., Pihak Berkuasa Kompeten di Malaysia telah mengeluarkan panduan untuk institusi-institusi kewangan asing di Malaysia yang mematuhi FATCA.
- \*\* Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia adalah "Pihak Berkuasa Kompeten di Malaysia" yang dilantik oleh Kerajaan Malaysia untuk memantau penguatkuasaan peruntukan FATCA bagi undang-undang percukaian A.S. yang mengawal selia institusi kewangan dalam negeri.
- 16.2 Dalam keadaan tertentu, Kumpulan PBB akan meminta maklumat tertentu untuk dikemukakan oleh pelanggan/pemegang akaunnya bagi memenuhi tanggungjawab FATCA. Kegagalan oleh pelanggan/pemegang akaun untuk menyediakan maklumat ini akan menyebabkan pelaporan maklumat mengenai pelanggan/pemegang akaun kepada Pihak Berkuasa Kompeten di Malaysia. Pembayaran kepada pelanggan/pemegang akaun Kumpulan PBB pada amnya tidak tertakluk pada pelaporan, dengan syarat persijilan yang sewajarnya atau pendokumenan lain berkaitan dengan status mereka diberi kepada Kumpulan PBB seperti yang diarahkan. Bagi memastikan maklumat pelanggan/pemegang akaun adalah tepat, Kumpulan PBB menghendaki pelanggan/pemegang akaun Kumpulan memberi makluman sekiranya terdapat perubahan dalam maklumat pelanggan, termasuk perubahan alamat surat-menyurat perniagaan, nombor telefon dan kerakyatan mereka dalam tempoh tiga puluh (30) hari yang menyebabkan borang untuk membuka akaun yang ditetapkan oleh Bank menjadi tidak betul.
- 16.3 Dengan ini, saya/kami/Organisasi mengesahkan dan mengisytiharkan bahawa sepanjang pengetahuan saya/kami, semua maklumat yang disediakan oleh saya/kami/Pemegang saham A.S. dalam borang untuk membuka akaun yang ditetapkan oleh Bank itu adalah, sepanjang pengetahuan saya, benar dan betul.
17. **Perkhidmatan PBe**
- 17.1 Individu yang memohon perkhidmatan PBe mesti berumur lapan belas (18) dan ke atas.
- 17.2 Bukan individu perlu mendaftar bagi Perkhidmatan PBe semasa membuka GIA.
- 17.3 Dengan ini saya/kami/Organisasi bersetuju dan mengaku janji untuk menanggung rugi Bank dan pada setiap masa melindungi Bank sepenuhnya daripada dan terhadap semua tuntutan dan permintaan, tindakan dan prosiding, kerugian dan perbelanjaan termasuk kos guaman seperti antara peguamcara dengan pelanggan dan semua liabiliti lain dalam apa juga bentuk yang mungkin dibuat atau diambil atau dialami atau ditanggung oleh Bank berhubung dengan atau dalam apa-apa cara berikutan daripada kuasa yang diberi oleh saya/kami. Saya/Kami/Organisasi seterusnya bersetuju bahawa liabiliti saya/kami adalah liabiliti berlanjutan dan akan terus berkuat kuasa sepenuhnya sehingga liabiliti Bank, sekiranya ada, dilaksanakan sepenuhnya mengikut kehendak Bank. Saya/Kami/Organisasi telah membaca dan memahami Terma dan Syarat mengenai akses Perkhidmatan PBe tersebut dan dengan ini bersetuju bahawa Terma dan Syarat tersebut hendaklah mengikat ke atas saya/kami. Dengan ini, saya/kami/Organisasi mengakui bahawa tiada apa-apa perubahan kepada mandat saya/kami kepada Bank bagi pengendalian GIA berkenaan.

**18. Notis dan Komunikasi**

- 18.1 Saya/Kami/Organisasi akan memaklumkan kepada Bank mengenai apa-apa perubahan alamat. Segala surat-menyurat yang dihantar melalui pos oleh Bank yang dialamatkan atau dihantar ke alamat terakhir yang didaftarkan dengan Bank dianggap sebagai telah dihantar kepada saya/kami/Organisasi.
- 18.2 Semua notis dan komunikasi kepada saya/kami/Organisasi adalah secara bertulis dan boleh dihantar melalui e-mel internet atau dipamerkan di premis dan melalui laman web Bank. Apa-apa proses undang-undang boleh dihantar kepada saya/kami/Organisasi melalui pos atau ditinggalkan di alamat terakhir saya/kami/Organisasi yang didaftarkan dengan Bank hendaklah dianggap telah dihantar dengan sewajarnya dan diterima oleh saya/kami/Organisasi.
- 18.3 Bank berhak dari semasa ke semasa untuk mengenakan atau mengubah apa-apa fi dan caj dengan memberi notis selama dua puluh satu (21) hari kalendar dengan mempamerkan fi dan caj baharu itu di premis dan laman web Bank.

**19. Perakuan**

- 19.1 Saya/Kami/Organisasi dikehendaki untuk menyempurnakan dan melengkapkan borang untuk membuka akaun yang ditetapkan oleh Bank yang dilampirkan yang kemudiannya akan menjadi sebahagian daripada Terma dan Syarat ini.

**20. Lain-Lain**

- 20.1 Saya/Kami/Organisasi mengaku bahawa sebelum atau pada waktu GIA dibuka, saya/kami/Organisasi tidak:-
- a) Melakukan apa-apa tindakan kemuflihan; dan/atau
  - b) Tertakluk pada apa-apa resolusi atau petisyen pembubaran atau ketidakmampuan bayar yang dibuat atau dikemukakan terhadap saya/kami/Organisasi.

Saya/Kami/Organisasi seterusnya bersetuju bahawa sekiranya saya/kami/Organisasi melanggar mana-mana perkata di atas, Bank mempunyai hak mutlak pada bila-bila masa untuk menutup GIA ini tanpa memberi notis terlebih dahulu.

- 20.2 Dengan menandatangani borang untuk membuka akaun yang ditetapkan oleh Bank dan menurunkan cap getah organisasi tersebut, saya/kami/Organisasi mengesahkan bahawa saya/kami/Organisasi telah menerima, membaca dan memahami sepenuhnya Terma dan Syarat ini, Notis Mandat (sekiranya ada) dan bersetuju untuk mematuhi dan terikat dengan apa-apa pindaan atau perubahan ke atasnya yang Bank mungkin perkenalkan kemudiannya, semak, ubah atau ganti kemudiannya yang boleh didapati melalui laman web Bank dan/atau pada papan kenyataan di cawangan-cawangan dan/atau yang mungkin diberitahu melalui apa juga cara yang Bank anggap sesuai.
- 20.3 Saya/Kami/Organisasi selanjutnya bersetuju bahawa dengan terus mengekalkan dan mengendalikan GIA saya/kami selepas tarikh kuat kuasanya pindaan atau perubahan yang dibuat, saya/kami/Organisasi dianggap sebagai menerima pindaan pada Terma dan Syarat dan Terma dan Syarat tersebut hendaklah mengikat dan konklusif bagi saya/kami.
- 20.4 Saya/Kami/Organisasi dengan ini bersetuju untuk membayar Bank bagi apa-apa fi atau komisen lain, atau untuk caj perkhidmatan yang berkenaan, fi pengendalian atau apa-apa fi atau caj lain yang munasabah yang dikenakan oleh Bank dari semasa ke semasa atau cukai lain yang berkenaan yang dikenakan sama ada dikuatkuasakan pada masa ini atau yang akan dikuatkuasakan dan yang boleh dicaj menurut undang-undang bagi perkhidmatan dan kemudahan yang diberi oleh saya/kami.
- 20.5 Saya/Kami/Organisasi bersetuju dan mengaku janji:-
- 20.5.1 Untuk tidak mendedahkan identiti akses (ID) dan kod laluan/kata laluan kepada mana-mana orang, melalui e-mel, panggilan telefon atau melalui laman web yang tidak dikenali selain daripada laman web rasmi Bank dan akan mengambil langkah-langkah yang sewajarnya untuk mendapatkan kod laluan/kata laluan dan memastikan peranti keselamatan dilindungi pada setiap masa; dan
  - 20.5.2 Untuk memeriksa semua notifikasi berkenaan urus niaga tepat pada waktunya dan untuk menyemak baki akaun, e-Penyata mana-mana akaun bank atau instrumen pembayaran yang ditentukan secara tetap, untuk mengesan urus niaga yang tidak dibenarkan, kesilapan atau percanggahan, dan untuk melaporkan kepada Bank dan pengeluar instrumen pembayaran secepat mungkin yang munasabah sekiranya urus niaga yang tidak dibenarkan, kesilapan atau percanggahan dikesan.
- 20.6 Selanjutnya, saya/kami/Organisasi mengaku janji untuk membuat laporan mengenai kod laluan/kata laluan yang telah diterobos atau mengenai kehilangan peranti keselamatan kepada Bank secepat mungkin yang munasabah, sebaik sahaja menyedari mengenai penerobosan atau kehilangan tersebut dan mengaku janji untuk melaporkannya dengan segera kepada Bank mengenai kesilapan atau percanggahan yang dikesan dalam mana-mana e-Penyata atau entri. Sekiranya Bank tidak menerima apa-apa makluman secara bertulis dalam tempoh dua puluh satu (21) hari kalendar daripada tarikh e-Penyata mengenai apa-apa kesilapan atau percanggahan berkenaan dengan entri debit atau entri kredit dalam e-Penyata tersebut, saya/kami/Organisasi akan dianggap sebagai telah menerima entri berkenaan yang dibuat sehingga tarikh akhir entri dalam e-Penyata tersebut sebagai betul, muktamad dan konklusif dan, dengan itu, menerima kesemua pengeluaran atau debit lain kepada GIA.
- 20.7 Dengan ini, saya/kami/Organisasi memberi kuasa yang tidak boleh batal kepada Bank untuk mengendalikan rekod Bank bagi apa-apa urus niaga yang dilaksanakan melalui akaun tersebut termasuk tetapi tidak terhad kepada apa-apa urus niaga yang dikatakan dilaksanakan melalui internet atau mana-mana sumber yang dikatakan daripada saya/kami sebagai bukti urus niaga yang dibuat dengan sempurna oleh saya/kami dan untuk mendebitkan GIA tersebut bagi pembayaran urus niaga berkenaan walaupun urus niaga berkenaan mungkin tidak diberi kuasa oleh saya/kami dan seterusnya pemberian kuasa tersebut atau rekod untuk mendebit GIA seperti yang dinyatakan di atas mungkin tidak mempunyai tandatangan saya/kami.

- 20.8 Bank berhak mengikut budi bicara mutlakanya pada bila-bila masa:-
- a) Untuk mengubah, meminda atau menyemak mana-mana peraturan yang dinyatakan di dalam ini, ciri-ciri dan manfaat GIA dengan memberi notis awal dalam tempoh dua puluh satu (21) hari kalendar dan tanpa memberi apa juga sebab untuknya;
  - b) Untuk menghalang pengendalian GIA ini, sekiranya Bank mengesyaki bahawa GIA itu digunakan untuk apa-apa tujuan yang menyalahi undang-undang.
- 20.9 Saya/Kami/Organisasi bersetuju untuk terikat dengan terma dan syarat di dalam ini, terma dan syarat yang terkandung dalam borang untuk membuka akaun yang ditetapkan oleh Bank, Terma dan Syarat Bank dan Perjanjian Akaun Pelaburan Emas.
- 20.10 Terma dan Syarat di dalam ini hendaklah tertakluk pada peruntukan-peruntukan Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 (APK) dan apa-apa pengubahsuaian lain kepadanya atau apa-apa arahan daripada Bank Negara Malaysia atau sebagaimana yang diarahkan dan dikehendaki oleh badan kawal selia lain dari semasa ke semasa.

Sekiranya berlaku apa-apa pertikaian atau percanggahan di antara teks Bahasa Inggeris dengan terjemahan Bahasa Malaysia ini, maka teks Bahasa Inggeris akan diterima pakai.

**[RUANG DI BAWAH INI SENGAJA DIBIARKAN KOSONG]**